



eBuletin FSB

EDISI JAN - JUN 2021

fsb.umk.edu.my **FAKULTI SAINS BUMI**



Usaha Bawa Pulang Rangka Gajah ASIA *Elephas Maximus* m.s 07

Fakulti Sains Bumi
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Jeli
17600 Jeli
Kelantan

☎ 09 - 947 7341
🖨 09 - 947 7342



OfficialUMK
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP
is our Urus!

Kita
#BinaLegasiUMK
Bersama

#WeAreUMKFamily
#OneUMKOneDream

BENKEL PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU UNTUK MESYUARAT SARINGAN AWAL DI JABATAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN UMK

Dr. Marieanne Christie Leong

Jabatan Sumber Asli dan Kelestarian, Fakulti Sains Bumi (FSB) bercadang untuk menawarkan program akademik baharu Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Analitik Alam Sekitar) dengan Kepujian mulai semester September 2022. Oleh itu, sebuah bengkel bagi menyediakan kertas cadangan permohonan program akademik baharu untuk Mesyuarat Saringan Awal telah diadakan pada 18 dan 19 Januari 2021 secara bersemuka dan secara atas talian.

Antara motivasi utama yang menggerakkan FSB untuk menawarkan program akademik baharu ini adalah ketersediaan data sekunder alam sekitar yang semakin bertambah, peningkatan penggunaan teknologi seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 seperti automasi, pengkomputeran awan, analitis data raya, serta peningkatan kesedaran dan keprihatin golongan belia dan generasi muda tentang isu perubahan iklim dan alam sekitar yang juga celik dan mahir dalam bidang teknologi maklumat. Faktor-faktor tersebut telah secara langsung dan tidak langsung menjadikan pemodelan statistik dan numerikal sebagai pendekatan utama dalam memahami dan menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan dengan isu alam sekitar dan perubahan iklim. Sehingga kini, terdapat hanya satu program akademik pada peringkat Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan sains data persekitaran di dunia, iaitu di Czech University of Life Sciences Prague, Czech Republic. Oleh itu, Fakulti Sains Bumi telah mengambil inisiatif untuk membangunkan dan menawarkan program akademik baharu berteraskan teknologi dan analitik dalam pengurusan alam sekitar dan perubahan iklim agar dapat melahirkan graduan yang relevan dan memenuhi keperluan industri semasa.

